

20 JUL 2001

Mahathir-Ulama

ULAMA PERLU JELASKAN PERANAN UMAT ISLAM BANTU SESAMA SENDIRI

KOTA BAHARU, 20 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta golongan ulama memainkan peranan penting dalam menjelaskan kepada masyarakat Islam negara ini berhubung tanggungjawab mereka membantu umat Islam negara lain.

Perdana Menteri berkata masyarakat Islam Malaysia perlu memahami dan menyedari bahawa kebebasan dan keselamatan yang mereka nikmati sekarang perlu dikembangkan kepada umat Islam di negara lain yang tidak bernasib baik dan menghadapi kesengsaraan.

Menurutnya selain bersatu padu, umat Islam perlu diperjelaskan tanggungjawab untuk menguasai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang supaya mereka menjadi bangsa yang maju dan kuat untuk mempertahankan diri daripada serangan musuh.

"Hari ini, kita tak nak pelajari pelbagai ilmu pengetahuan tetapi hanya sibuk dengan perkara-perkara remeh. Jika kita (umat Islam) lemah, tidak akan ada pihak lain nak menolong kita," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan ulama di Wadi Sofia, kediaman Pengerusi Eksekutif KUB (M) Berhad Datuk Hassan Harun di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata dengan ilmu pengetahuan, negara dapat membuat persediaan bagi menghadapi penindasan musuh seperti membina peralatan perang yang secara tidak langsung boleh membantu saudara seagama di negara-negara lain yang sedang menghadapi kesengsaraan.

"Saya berpendapat kita bersalah kerana tidak berbuat sesuatu untuk membela umat Islam, kita sebenarnya mempunyai kemampuan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata umat Islam menjadi lemah kerana tidak mahu berusaha sebaliknya suka bermusuh sesama sendiri sehingga di mana-mana sahaja dapat dilihat berlaku perpecahan.

Perdana Menteri juga berkata tanggungjawab untuk menyelamatkan umat Islam negara lain, yang dianggap saudara seIslam, yang menghadapi kesengsaraan juga merupakan tuntutan agama Islam.

Beliau berkata atas tanggungjawab itulah Malaysia pernah menghantar kira-kira 1,500 anggota tentera untuk membantu umat Islam di Bosnia.

"Kalau Malaysia jadi negara makmur, cekap dan kuat, kita boleh tolong lebih banyak lagi orang Islam di negara lain," kata beliau.

Beliau berkata umat Islam sebenarnya adalah umat yang kuat dan disegani sebagaimana pada zaman keagungan empayar Islam.

Terdahulu, Dr Mahathir merasmikan Sekolah Tinggi Wadi Sofia yang berkonsepkan sekolah Bestari. Ia mempunyai kira-kira 300 pelajar.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamed dan Timbalan Ketua Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa.

Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada 11 malam ini.

-- BERNAMA

RAR BD NAK